

20 MAY 2003

MAHATHIR-TAMBATAN

TIADA CADANGAN SEMAK SEMULA TAMBATAN RINGGIT, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 20 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak akan menyemak semula tambatan ringgit pada dolar Amerika walaupun nilai dolar telah susut lebih 30 peratus sejak 2001.

Pendapatan negara dalam dolar juga masih baik walaupun nilainya telah berkurangan ekoran kemerosotan ini, katanya ketika berucap pada pembukaan sesi kedua Dialog Bajet 2004 di sini hari ini.

Bagaimanapun, ekoran kemerosotan dolar ini, para peniaga perlu membuat pertimbangan ketika membeli barangan dari luar negara.

"Ini perlu dipertimbangkan oleh kita semua. Saya cuma beri penjelasan sahaja, bukan dengan tujuan untuk buat apa-apa perubahan," kata Dr Mahathir yang merupakan menteri kewangan.

Ringgit telah ditambat pada 3.80 bagi satu dolar sejak September 1998.

Tentang ekonomi negara, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak boleh terlalu bergantung kepada sektor awam untuk menjana pertumbuhan atau bergantung kepada produk tertentu.

"Walaupun Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2002 adalah baik, tetapi pertumbuhan itu masih dijana oleh perbelanjaan sektor awam dan peningkatan semula permintaan luar, terutamanya eksport barangan elektrik dan elektronik," katanya

Pada 2002, Malaysia mencatatkan pertumbuhan KDNK 4.2 peratus, iaitu jauh lebih tinggi daripada 0.4 peratus pada 2001.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata sejak melangkah ke tahun 2003, keadaan ekonomi global tidak begitu menggalakkan akibat terjejasnya keyakinan pelaburan oleh salah laku korporat di negara maju, pencerobohan ke atas Iraq dan ancaman Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Walaupun perang Iraq telah berakhir, ketidakstabilan geo-politik rantau Asia Barat mungkin berlarutan pada tempoh yang panjang. Keadaan ini pasti meresahkan para pelabur dan boleh menjejaskan aliran perdagangan dan pelaburan langsung asing, tegasnya.

Kini, setelah timbul tanda-tanda bahawa pertumbuhan ekonomi dunia akan menjadi perlahan, penularan SARS pula telah menggugat aliran perdagangan dunia dan kekerapan perjalanan.

"Industri pelancongan yang melibatkan perhotelan, restoran, pengangkutan dan perniagaan runcit mula mengalami kemerosotan perniagaan. Kadar penginapan hotel menurun ke paras 40 peratus dan industri penerbangan mengalami kesukaran dengan berkurangnya bilangan penumpang dan berlakunya pembatalan penerbangan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata pada suku pertama tahun 2003, beberapa petunjuk ekonomi mencatatkan angka yang stabil dengan eksport negara meningkat 7.8 peratus, pertumbuhan import di paras positif 2.4 peratus, Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 5.4 peratus dan Indeks Pengeluaran Pembuatan meningkat sebanyak 6.3 peratus.

Namun, kesan SARS belum dapat ditentukan sepenuhnya, katanya.

Sementara itu, beliau juga berkata bahawa kerajaan terus komited untuk mengawal defisit agar tidak terus meningkat walaupun kerajaan pada masa ini mengamalkan dasar fiskal yang mengembang.

Beliau juga menyeru para pengguna dan pelabur supaya mempunyai keyakinan untuk berbelanja bagi mewujudkan permintaan agar pengeluaran dan pelaburan dalam negara terus berkembang. -- BERNAMA

LES MKO JR